

04/08/1998

Gantung urusan baru (HL)

Saodi Mat Atar

KOTA TINGGI, Isnin - Pergerakan Pemuda Umno hari ini mencadangkan agar Malaysia menggantung urusan dua hala yang baru dengan Singapura sehingga Perdana Menteri republik itu, Goh Chok Tong, menyatakan pendirian rasmi kerajaannya berhubung isu yang dihadapi kedua-dua negara sekarang.

Ketuanya, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata pendirian Singapura itu hendaklah berdasarkan persetujuan serta persefahaman awal antara Goh dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada pertemuan mereka awal tahun ini.

Setakat ini, katanya, Pemuda Umno berpendapat kenyataan Menteri Luar dan Menteri Dalam Negeri Singapura tidak mencerminkan pendirian ikhlas kerajaan republik itu.

"Maka, Pemuda Umno mahu Perdana Menteri Singapura menjelaskan pendirian rasmi kerajaan republik itu," katanya membacakan kenyataan rasmi pergerakan itu dalam sidang akhbar, selepas majlis pelancaran Projek Tunas Bestari di Bandar Tenggara dekat sini, hari ini.

Kenyataan sepanjang lebih tiga halaman itu turut mencadangkan supaya kerajaan membekalkan hanya air yang sudah diproses dan bukannya air mentah kepada Singapura selepas perjanjian bekalan air ke republik itu tamat pada tahun 2011 dan 2061.

Pemuda Umno mendesak kerajaan terus bertegas dalam mempertahankan pendiriannya mengenai isu berkaitan hubungan dua hala Malaysia-Singapura, terutama yang menyentuh maruah dan martabat negara.

Pergerakan itu, yang menyatakan sokongan tidak berbelah bahagi kepada Perdana Menteri untuk mengatasi masalah itu menegaskan, semua isu membabitkan kedua-dua negara hendaklah diatasi dengan bijaksana, ikhlas dan bertanggungjawab selaras semangat persetujuan antara Dr Mahathir dan Goh.

Ahmad Zahid berkata, enam perkara sudah dipersetujui oleh kedua-dua pemimpin untuk diselesaikan iaitu kerjasama ekonomi dan kewangan, bekalan air, tanah Keretapi Tanah Melayu di Singapura, isu Pulau Batu Putih, kerjasama pelancongan dan penubuhan Majlis Perniagaan Malaysia-Singapura.

"Keikhlasan Malaysia lebih terpancar apabila Perdana Menteri kita menyebut kita bersedia melupakan perkara lama dan bersetuju merapatkan hubungan.

"Kenyataan itu diberikan ketika beliau mengiringi Goh dalam lawatannya ke stesen televisyen satelit Astro," katanya. Hadir sama pada sidang akhbar itu ialah Naib Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Ketua Pemuda Umno Johor, Hasni Mohamad.

Sehingga hari ini, Goh tidak membuat sebarang kenyataan berhubung isu yang hangat sekarang, iaitu perpindahan Pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Singapura ke Woodlands, berkuatkuasa Sabtu lalu.

Sebaliknya, hanya Menteri Luar Singapura, Prof S Jayakumar dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negerinya membuat kenyataan termasuk mengedarkan salinan surat rasmi kerajaan antara Malaysia dan Singapura kepada media di republik itu.

Sehubungan itu, Pemuda Umno berpendapat kedua-dua negara perlu mengasingkan setiap isu dan jalan keluar terbaik ialah penyelesaian menerusi saluran rasmi antara kerajaan dengan kerajaan.

Pada masa sama, pergerakan itu kurang senang terhadap sikap, tindakan dan usaha berterusan Singapura yang cuba menghidupkan zaman silam menerusi pameran The National Education Exhibition - The Singapore Story.

Pameran yang masih berlangsung di republik itu sejak dilancarkan awal

bulan lalu, dilihat sebagai helah bagi mengungkit aspek negatif hubungan sejarah Malaysia-Singapura tanpa mengambil kira perasaan rakyat negara ini.

Ahmad Zahid menegaskan, Pemuda Umno tidak teragak-agak bertindak kerana Malaysia tidak perlu lagi meneruskan hubungan uniknya dengan Singapura jika republik itu tidak pernah melihat negara ini sebagai jiran unik mereka.

"Pemuda Umno yang menghormati kedaulatan Singapura, memberi amaran pertimbangan rakyat Malaysia ada had dan batasannya. Layanan istimewa terhadap Singapura hanya sia-sia jika balasannya menyakitkan jiwa," katanya.

(END)